



## **GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BAGI KEBENARAN UNTUK STAF MELANJUTKAN PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA**

**(PERINGKAT HOSPITAL UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)**

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan kebenaran bagi staf HPUPM yang menyambung pengajian secara separuh masa di luar dan dalam UPM.

### **2. OBJEKTIF**

Berikut merupakan objektif pelaksanaan kebenaran menyambung pengajian secara separuh masa kepada staf yang layak:

- 2.1 Menggalakkan pembelajaran berterusan;
- 2.2 Memangkin semangat dan usaha agar sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran; dan
- 2.3 Menghargai usaha dan komitmen staf yang bersungguh-sungguh menyambung pengajian sambil bekerja.

### **3. SYARAT DAN KELAYAKAN**

Staf yang ingin mendapatkan kebenaran menyambung pengajian **secara separuh masa** hendaklah memenuhi syarat dan kelayakan yang berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Staf berjawatan tetap yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia;
- 3.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 3.4 Staf perlu mengemukakan surat tawaran pengajian;
- 3.5 Pengajian adalah secara separuh masa;
- 3.6 Permohonan perlulah mendapatkan sokongan Ketua Jabatan / Unit / Bahagian bagi memastikan pengajian tersebut tidak mengganggu tugas - tugas hakiki;

- 3.7 Staf hanya layak memohon kelulusan ini bagi pengajian yang lebih tinggi dari kelayakan akademik sedia ada;
- 3.8 Tempat pengajian mestilah Institusi Pengajian Tinggi yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi;
- 3.9 Kursus yang akan diikuti mestilah diiktiraf oleh Kerajaan; dan

#### **4. TAFSIRAN MOD PENGAJIAN**

Bagi Garis Panduan ini :

"**Separuh Masa**" bermakna seseorang staf yang mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang secara separuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai tidak meninggalkan tugas. Staf tersebut mengikuti kursus atau pengajian di luar waktu bekerja.

#### **5. TEMPOH PENGAJIAN**

Staf yang telah mendapat kebenaran bagi menyambung pengajian secara separuh masa perlu menamatkan pengajian berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh tempat pengajian yang dipilih. Secara amnya, staf perlu bergraduat mengikut jangka masa yang telah ditetapkan (**Graduate On Time – GOT**). Sehubungan dengan itu, berikut merupakan ketetapan jangkasama bagi peringkat pengajian:

Bil	Program	Tempoh Pengajian Separuh Masa
1.	Ijazah Pertama (Sarjana Muda)	8 Semester/ 4 tahun
2.	Master	8 Semester/ 4 tahun
3.	Ijazah Kedoktoran (Ph.D)	12 Semester/ 6 tahun

#### **6. TATACARA PERMOHONAN**

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi staf HPUPM yang menyambung pengajian secara separuh masa hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 6.1 Permohonan hendaklah dikemukakan melalui **Borang Permohonan Pengajian Separuh Masa** ke Unit Pembangunan Profesional, Polisi & Governan, HPUPM melalui Ketua Jabatan / Unit / Bahagian;
- 6.2 Melampirkan **surat tawaran pengajian** daripada tempat pengajian;
- 6.3 Melampirkan jadual kuliah / kelas / peperiksaan dari tempat pengajian; dan
- 6.4 Melampirkan jadual kerja dan tugas di Jabatan / Unit / Bahagian sepanjang tempoh pengajian.

## **7. KELULUSAN**

Pihak Pengurusan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia akan mempertimbangkan permohonan kebenaran bagi staf menyambung pengajian secara separuh masa berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan yang dibuat oleh Pengurusan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia adalah muktamad.

## **8. TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa bagi garis panduan adalah bermula dari 1 Januari 2021.

## **9. TANGGUNGJAWAB**

- 9.1 Staf perlu mengemukakan laporan bertulis kemajuan pengajian **sekali (1) dalam tempoh 12 bulan pengajian**. Laporan perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan / Unit / Bahagian dan dipanjangkan ke Unit Pembangunan Profesional, Polisi & Governan untuk tujuan rekod; dan
- 9.2 Staf yang telah mendapat kelulusan menyambung pengajian secara separuh masa adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan **Surat Pengesahan Tamat Pengajian / Sijil Kelayakan Akademik** ke Unit Pembangunan Profesional, Polisi & Governan selewat-lewatnya **tiga (3) bulan** setelah menamatkan tempoh pengajian.

## **10. KEMUDAHAN**

- 10.1 Sebarang permohonan cuti ketika waktu bekerja atas urusan pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan / Unit / Bahagian bergantung kepada kapasiti Jabatan / Unit / Bahagian pada ketika itu. Pegawai yang telah **disahkan jawatan dalam perkhidmatan** sahaja yang layak untuk di beri kemudahan **Cuti Kursus Sambilan (CKS)**. Rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2009 (JPA(L)S. 175/4/1-1 KLT. 8);